

Harga runcit RON97, RON95 naik 5 sen

KUALA LUMPUR - Harga bagi setiap liter RON97 dan RON95 naik sebanyak lima sen, manakala diesel pula naik dua sen bagi tempoh 6 hingga 12 Jun 2020.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga baharu seliter bagi RON97 ialah RM1.78, RON95 (RM1.48) dan diesel

RM1.63.

“Kenaikan harga itu disebabkan peningkatan harga produk yang diproses, seiring kenaikan harga minyak mentah dunia.

“Kerajaan akan terus memantau impak perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terjaga,” menurut kenyataan tersebut.
- *Bernama*

